

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI PERASMIAN KLINIK PENGESANAN KANSER WANITA DAN PAYUDARA
DI KUALA LUMPUR
PADA HARI ISNIN, 16 MAC 1998
PUKUL 10.00 PAGI

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia kerana menjemput saya pada hari ini dan seterusnya merasmikan Klinik Pengesanan Kanser Wanita dan Payudara (PKWP).

2. Kanser adalah satu masalah kesihatan yang besar, bukan sahaja di negara ini tetapi di seluruh dunia dan insiden kanser di kalangan penduduk bertambah disebabkan peningkatan umur penduduk yang semakin tua di samping perkembangan dalam kaedah diagnosa. Pada jangkaan, bilangan kes baru setahun di Malaysia sahaja adalah lebih kurang 40,000 dan hanya segelintir pesakit kanser ini mendapat rawatan samada kerana tanggapan kanser tidak dapat diubahi atau kerana tiada pengetahuan yang sepenuhnya mengenai penyakit kanser. Namun begitu, tanggapan ini tiada kebenarannya. Walaupun terdapat banyak penyelidikan mengenai punca kanser untuk kita mengambil langkah-langkah yang boleh mencegah penyakit ini, namun kita masih jauh lagi dari menjadikan ini satu realiti. Pada masa ini, peluang terbaik bagi seorang pengidap kanser ialah kemudahan kaedah-kaedah diagnosa dan pengesanan awal yang boleh memberi pesakit peluang untuk sembuh.

3. . Atas kesedaran inilah maka Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia dengan tajaan Kelab Rotary Kuala Lumpur ditubuhkan pada bulan Mei tahun 1966 di bawah naungan Allahyarham YAB Tun Hj Abdul Razak.

4. Kanser adalah suatu kumpulan penyakit. Kanser paru-paru berbeza daripada kanser otak. Ada kanser yang dapat dielak dengan pengamalan tabiat yang baik. Pada masa ini masih tiada maklumat sebenar mengenai berapa ramainya mereka yang mengidap pelbagai jenis penyakit kanser ini. Penyakit kanser sebenarnya boleh menimpa sesiapaupun. Berdasarkan hakikat ini, satu kesimpulan yang telah dibuat ialah memandangkan kita masih tidak mengetahui kesemua penyebab kanser, maka peluang terbaik bagi pengidap kanser adalah penyediaan kemudahan pengesanan awal kanser. Dan pengesanan awal ini hanya boleh dibuat jika masyarakat diberi pendidikan dan pengetahuan yang jelas mengenai tanda dan simptom-simptom kanser. Pengesanan awal juga akan menjamin kadar kesembuhan yang tinggi jika rawatan diberi.

5. Saya dimaklumkan bahawa Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (PKKM) telah memulakan Rancangan Pendidikan Awam, di mana doktor dan ahli paramedik yang terlibat dalam kerja-kerja kanser digalakkan memberi ceramah dan perbincangan di sekolah, persatuan, pertubuhan dan juga mengadakan seminar bertajuk kanser untuk orang awam. Persatuan juga mencetak risalah mengenai jenis-jenis kanser, bersama pita-pita video yang diedarkan ke sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, klinik-klinik dan pertubuhan-pertubuhan wanita. Syabas saya ucapkan kepada usaha-usaha persatuan ini kerana langkah-langkah ini akan membantu dalam memberi kesedaran yang luas kepada rakyat, khususnya kaum wanita.

6. Pada asasnya pengesanan awal adalah sangat penting kerana ia dapat meningkatkan bilangan kes-kes kanser yang dapat diubati. Jikalau penyakit kanser itu dapat dikesan seawal mungkin maka rawatan yang berkesan dapat diberi segera. Dengan itu lebih nyawa dapat diselamatkan. Kesedaran awam seumpama ini hanya dapat dicapai melalui satu rancangan pendidikan awam kebangsaan. Justeru itu pendidikan menerusi penyebaran maklumat seperti penulisan mengenai kanser dapat diterbitkan melalui media-masa

seperti akhbar, majalah, media elektronik iaitu TV dan radio. Melalui media massa mesej mengenai penyakit kanser yang dapat diubati jikalau dikesan awal akan lebih mudah sampai kepada orangramai terutama penduduk di pendalaman.

7. Saya juga dimaklumkan bahawa persatuan ini telah mengasaskan Pusat Penskrinan Sitologi yang pertama, dengan bantuan IMR (Institut Penyelidikan Perubatan), di mana kemudahan pemeriksaan 'Pap' atau Pap Smear adalah kaedah terbaik untuk screening dan mengesan kanser rahim di kalangan wanita. Pemeriksaan seperti ini dapat mengesan kanser itu pada peringkat awal dan jikalau prosedur pembedahan yang betul dijalankan, peluang untuk sembuh adalah antara 90 - 95 peratus.

8. Kaedah lain untuk memerangi kanser adalah mengadakan kemudahan rawatan agar pesakit-pesakit kanser dapat dirawat secepat mungkin setelah di diagnosa. Untuk tujuan ini Pusat Rawatan Kanser (Cancer Treatment Centre) yang bertempat di Hospital Tung Shin, Kuala Lumpur menawarkan rawatan pancaran untuk penyakit kanser pada kadar minima dan ada kalanya secara percuma. Pusat ini yang berharga RM8 juta mempunyai semua kemudahan terkini untuk rawatan pancaran penyakit kanser. Terdapat dua mesin rawatan pemecut linear bertenaga 6 MeV dengan kemudahan pancaran elektron, mesin simulator untuk perancangan rawatan yang tepat, sistem rancangan rawatan yang berkomputer dan kemudahan rawatan pancaran intracavity. Tiada pesakit yang tidak diterima dan kesemua pesakit menerima rawatan secepat mungkin. Pada permulaannya Pusat ini mempunyai lebih kurang 300 kes baru tetapi pada masa kini Pusat Rawatan ini merawat hampir 1,400 kes baru setiap tahun.

9. Salah satu kanser lain yang dapat dikesan awal ialah kanser payu dara, yang merupakan satu masalah besar di negara ini. Kaedah terbaik pengesanan awal kanser ini adalah dengan menggalakkan wanita yang masih berupaya beranak melakukan

pemeriksaan payu dara sendiri setiap bulan disusuli mammogram pada umur tertentu iaitu antara 35 hingga 40 tahun. Mammogram memainkan peranan yang penting kerana ia dapat mengesan lesion sekecil 5 mm, di mana doktor pakar tidak akan dapat mengesannya melalui kaedah palpasi sahaja. Memandangkan tiada kemudahan mammogram, Persatuan menubuhkan pusat mammografi pertama di pejabatnya iaitu di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur. Pusat Mammografi ini khas untuk perskrinan dan pengesanan awal kanser payu dara. Pusat ini mempunyai seorang pakar radiologi, pegawai perubatan, doktor-doktor sukarela dan staf paramedikal. Wanita yang mengunjung pusat ini mendapat pemeriksaan mammogram atau 'ultrasound', mengikut keperluan individu. Pada masa yang sama, wanita-wanita ini akan diajar cara melakukan pemeriksaan payu dara sendiri. Pemeriksaan fizikal secara am dan pemeriksaan Pap juga ditawarkan kepada pesakit ke Pusat ini.

10. Memandangkan kaum wanita terutamanya ibu-ibu, merupakan pusat sesuatu keluarga, maka jikalau mereka ditimpa suatu penyakit, kualiti hidup seluruh keluarga akan terjejas. Dalam hal ini kanser merupakan penyakit yang paling lazim berlaku di kalangan kaum ibu dan jika tidak dikesan awal, ianya boleh membawa kepada maut. Justeru itu, adalah diharap pihak Persatuan akan mempertingkatkan mutu dan kelengkapannya di Pusat Mammografi untuk tujuan mengesan kanser di kalangan wanita.

11. Sebagai pusat utama untuk mengesan pelbagai jenis kanser wanita ianya diharap akan dapat menguruskan kerja-kerja seperti memberi rawatan awal dan seterusnya menyelamatkan lebih banyak nyawa. Semoga dengan adanya Pusat ini ianya akan membantu rakyat Malaysia, khususnya kaum wanita menikmati kualiti hidup yang lebih selesa.

12. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Klinik Pengesanan Kanser Wanita dan Payudara.
